

GAYA HIPOTAKSIS DAN PARATAKSIS DALAM KERANGKA NAHU FUNGSIAN-SISTEMIK

Mohammad Fadzeli Jaafar

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk memerlui penggunaan ayat hipotaksis dan parataksis dalam bahasa Melayu, khususnya hubungan antara struktur makna dan gaya. Dalam pemerian ini, gaya yang menandai kegemaran pengarang dianalisis secara terperinci. Data bahasa diambil daripada teks *Sungai Mengalir Lesu*, karya Sasterawan Negara, A. Samad Said. Dalam analisis struktur ayat hipotaksis dan parataksis, makalah ini mengaplikasi nahu fungsian-sistemik. Dalam pertimbangan struktural, klausa tak setara dan klausa setara dianalisis berdasarkan kehadiran atau ketiadaan unsur penghubung. Dalam aspek makna pula, analisis tertumpu pada makna yang diwujudkan oleh klausa pengembangan dalam sesuatu ayat kompleks, iaitu dalam memperinci atau memperluas makna sesuatu klausa utama. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa struktur ayat parataksis lebih kompleks berbanding dengan ayat hipotaksis, dan klausa perluasan lebih dominan digunakan dalam kedua-dua ayat kompleks tersebut.

Abstract

This study aims to describe the usage of hypotactic and paratactic in the Malay language, specifically in the relation between structure, meaning and style. In describing them, the style that is specific to the writer is analyzed in detail. The data is taken from the text Sungai Mengalir Lesu, written by National Laureate A. Samad Said. In the analysis of hypotactic and paratactic structures, this article applies the theoretical framework of the functional-systemic grammar. In the structural consideration, dependent and independent clauses are analyzed taking into view the presence and absence of conjunctions. As

for meaning, the analysis focuses on the meaning borne by expansion clauses in complex sentences viz. in elaborating or extending the meaning of the main clause. This analysis show that the paratactic structure is more complex than that of the hypotactic, and the expansion clause is more dominant in usage in both types of complex sentences.

PENDAHULUAN

Kajian ini ialah percubaan untuk menerapkan kerangka nahu fungsian-sistemik (*functional-systemic grammar*), khususnya bagi ayat hipotaksis dan parataksis, iaitu berdasarkan bahan bahasa yang terdapat dalam teks kesusastraan Melayu. Bahan bahasa yang dijadikan sebagai perbincangan ialah teks *Sungai Mengalir Lesu* (1997), karya A. Samad Said. Tumpuan perbincangan adalah untuk memperlihatkan kecenderungan pengarang Melayu menggunakan kedua-dua jenis ayat kompleks tersebut dalam karyanya, dan hubungannya dengan aspek gaya bahasa. Kedua-dua jenis ayat kompleks ini akan diuraikan dari segi struktur dan maknanya, iaitu berdasarkan kehadiran pelbagai unsur penghubung. Bagaimanapun, nahu fungsian yang dicadangkan oleh Halliday (1994) ini terisi dengan pelbagai istilah linguistik yang sangat teknikal dan bersifat khusus. Jadi, kajian ini telah membuat modifikasi dari segi istilah dan penerapannya berdasarkan contoh ayat dalam bahasa Melayu. Halliday (1994: xxxiii) ada mengingatkan bahawa "... adalah berbahaya mengandaikan pelbagai kategori bahasa yang digunakan di dalam buku ini sesuai untuk mendeskripsi sebarang bahasa". Ini bermaksud, seseorang pengkaji harus menyesuaikan pelbagai kategori yang terdapat di dalam karya Halliday mengikut acuan bahasa masing-masing. Ini disebabkan contoh dan huraian pelbagai unsur bahasa di dalam buku nahu ini berdasarkan nahu bahasa Inggeris. Bahasa yang secocok (dari segi bentuk dan peraturan) dengan bahasa Inggeris mungkin boleh memanfaatkan buku ini sepenuhnya. Bahasa Melayu mempunyai tabiat dan kaedahnya yang khas, yang mungkin sedikit berbeza daripada bahasa Inggeris. Oleh sebab itulah diperlukan satu interpretasi yang khusus apabila menganalisis pelbagai unsur bahasanya.

HIPOTAKSIS DAN PARATAKSIS

Sesuatu klausa itu boleh dikenal pasti jenisnya berdasarkan kebergantungannya atau ketakbergantungannya pada klausa lain. Apabila sesuatu klausa berfungsi sebagai penerang (*modifier*) kepada satu klausa lain, maka

status kedua-dua klausa tersebut adalah tak setara (*unequal*). Klausa penerang dalam konteks ini bergantung pada klausa yang diterangnya. Bagaimanapun, sesuatu klausa boleh berstatus sama dengan klausa yang mendahuluinya, apabila fungsinya hanyalah sebagai menyambung (*continuing*) klausa tersebut. Istilah yang biasanya digunakan untuk menjelaskan konsep klausa tak setara dan klausa setara ini ialah hipotaksis dan parataksis.

Hipotaksis ialah hubungan yang gramatis antara klausa utama dengan klausa terikat (Nur’aini Abu Bakar, 1995:308). Perkataan *hypotaxis* berasal daripada bahasa Greek bagi maksud *under order* (Katie Wales, 1991:223), yang lebih dikenali juga sebagai klausa subordinat (Cummings dan Simmons, 1983:97; Matthiessen dan Thompson, 1988: 275; Trask, 1996: 268). Hipotaksis merujuk kepada unsur yang terikat, yakni secara eksplisitnya terikat dengan klausa utama oleh kehadiran kata penghubung tertentu. Bagi maksud lain, hipotaksis terdiri daripada satu klausa utama atau klausa dominan dan satu klausa terikat, yakni hubungan kedua-dua klausa tersebut adalah tak setara (Martin, 1992:22; Halliday, 1994:218; Halliday dan Ruqaiya Hasan, 1995:222). Contoh ayat hipotaksis adalah seperti yang berikut:

(1) [1.8.3] (||) Rotan ada di sebalik pintu | walaupun rotan itu sudah terlalu uzur |||
 α β

Garisan vertikal tunggal (|) dalam contoh (1) di atas, menandakan sempadan klausa, dan garisan vertikal tiga (|||) merupakan sempadan klausa kompleks. Klausa bernotasi α ialah klausa utama, sementara klausa bernotasi β ialah klausa terikat. Klausa utama merupakan unsur bebas, manakala klausa terikat merupakan unsur tak bebas, iaitu maksudnya bergantung pada klausa utama. Dengan perkataan lain, hubungan antara klausa utama dengan klausa terikat dalam ayat hipotaksis tidak bersimetri.

Ayat hipotaksis banyak digunakan dalam penulisan berbanding dengan percakapan. Oleh sebab itulah ayat hipotaksis lebih formal sifatnya dengan kehadiran kata penghubung tertentu yang menjadi penanda sesuatu klausa terikat. Klausa terikat biasanya terdiri daripada klausa adverba, relatif, nominal dan adjektif (Cummings dan Simmons, 1983:141) yang berfungsi sebagai penerang kepada klausa utama.

Parataksis pula ialah perhubungan antara dua unsur yang berstatus setara, yakni satu klausa memulakan (*initiating*) dan satu klausa lagi bersambungan dengannya (*continuing*) (Halliday, 1994: 218). Secara literal,

perkataan *parataxis* bermaksud “para” (*equal*) dan “taxis” (*arrangement*) atau susunan setara, dan merupakan istilah purba bagi *coordination*, yang diaplikasikan khususnya pada klausa dan ayat (Bloor dan Bloor, 1995: 179; Matthews, 1997: 265). Kesetaraan antara klausa dalam ayat parataksis menjadi bukti bahawa kedua-duanya berstatus sama dari segi gramatikal dan semantik. Penggunaan kata penghubung, misalnya, *dan* dapat mewujudkan struktur yang sejajar antara klausa. Contoh ayat parataksis adalah seperti yang berikut:

(2) [1.3.6] ||| Kawan tidak akan dapat dicari || dan rezeki dalam sungai
 1 2
tidak akan didapatnya juga |||

Berbeza sedikit dengan struktur hipotaksis, sempadan klausa dalam contoh (2) di atas ditandai oleh garisan berganda vertikal (||), sementara sempadan penghujung klausanya ditandai oleh garisan tiga vertikal (|||). Tujuannya adalah untuk membezakan antara struktur ayat hipotaksis dengan parataksis.

Notasi 1 dalam contoh (2) merupakan klausa pertama dalam ayat ini, dan klausa yang mengikutinya menjadi klausa kedua. Tidak ada yang terikat kerana kedua-dua klausa ini boleh berdiri sebagai klausa bebas. Dengan perkataan lain, perhubungan antara klausa dalam ayat parataksis bersimetri.

Berbanding dengan ayat hipotaksis, ayat parataksis banyak digunakan dalam percakapan, perbualan kanak-kanak, upacara keagamaan dan kesusasteraan. Ini kerana dalam percakapan biasa, penutur akan bercakap secara tak formal, iaitu tidak terikat dengan kata penghubung tertentu. Oleh sebab itulah, ayat parataksis tidak semestinya mempunyai kata penghubung yang eksplisit seperti *dan* dan *atau*. Ayat parataksis dapat juga hadir tanpa kata penghubung, misalnya dengan kehadiran tanda baca koma (,) atau koma bertitik (;) atau tanpa sebarang tanda baca pun, yakni berdasarkan intonasi sahaja (Bloomfield, 1992:195; Matthews, 1984:32).

STRUKTUR HIPOTAKSIS DAN PARATAKSIS

Menurut Halliday (1994:218), semua struktur “logik” dalam bahasa boleh merupakan struktur parataksis atau hipotaksis, sementara klausa kompleks melibatkan perhubungan antara kedua-dua jenis ayat tersebut. Struktur bagi ayat parataksis dan hipotaksis dapat diperjelas lagi melalui Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1 Klausutama dan kedua (Jadual ini berdasarkan Halliday, 1994:219).

	Klausutama	Klausukedua
parataksis	1 (memulakan)	2 (bersambungan dengannya)
hipotaksis	α (dominan)	β (terikat)

Berdasarkan Jadual 1 di atas, struktur ayat parataksis menggunakan notasi angka 1, 2, 3 dan seterusnya. Angka 1 bermaksud klausapertama yang mendahului, dan angka 2 bermaksud klausakedua yang bersambungan dengannya. Kedua-dua klausayang mendahului dan bersambungan dengannya adalah bebas, iaitu setiap klausaboleh berdiri sendiri sebagai klausayang berfungsi. Angka 1 dan 2 ini merujuk kepada klausayang berstatus setara. Oleh itu, angka tersebut tidak boleh menjadi 2 dan diikuti oleh angka 1 – klausamenyambungkan (2) mendahului klausamulakan (1), iaitu sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Halliday (1994:222) bahawa dalam parataksis tiada kebergantungan sesuatu elemen terhadap yang lain; oleh itu, tiada urutan lain sebagaimana yang ditunjukkan oleh sesuatu rentetan. Dengan erti kata lain, analisis klausadalam ayat parataksistetap akan bermula dengan angka 1 juga, yakni mengikut urutan nombor.

Struktur ayat hipotaksis pula menggunakan notasi huruf Greek. Huruf α bermaksud klausapertama yang dominan sifatnya, sementara huruf β merujuk kepada klausakedua yang terikat pada klausadominan. Tidak sebagaimana ayat parataksis, struktur ayat hipotaksis tidak semestinya mengikut urutan huruf α dan diikuti oleh β ($\alpha^{\wedge}\beta$). Klausaterikat dalam ayat hipotaksis boleh juga bermula dengan huruf β , iaitu klausaterikatyang berfungsi sebagai penerang dan diikuti oleh klausadominan α , yang berfungsi sebagai klausakepala: ($\beta^{\wedge}\alpha$). Tetapi menurut Halliday (1994: 220), kebiasaannya klausakedua sahaja yang terikat.

KATEGORI DAN FUNGSI

Yang berikut ini dipaparkan jenis asas klausakompleks bersertakategorinya, yang disesuaikan daripada Halliday (1994:220):

- (i) Pengembangan:
 - (a) memperinci
 - (b) memperlucas

Pengembangan bermaksud klausakedua mengembangkan klausua

utama, yakni dengan cara (a) memperinci (*elaborating*), atau (b) memperluas (*extending*). Perincian bermaksud satu klausa cuba memperinci satu klausa lain dengan cara menyatakannya dengan cara lain, mengkhususkannya dengan lebih terperinci, memberikan komen, atau menggambarkannya dengan contoh. Klausa kedua tidak mengemukakan unsur baharu pada klausa pertama, tetapi sebaliknya memperinci sahaja. Perluasan pula merujuk kepada pengembangan satu klausa terhadap klausa lain melalui penambahan sesuatu unsur baharu, memberikan pengecualian terhadapnya, atau menawarkan alternatif. Penanda wacana klausa perluasan bagi ayat parataksis, misalnya *dan*, dan bagi ayat hipotaksis pula, misalnya *supaya*. Yang berikut dikemukakan contoh ayat bagi klausa perincian dan perluasan.

Jadual 2 Jenis asas klausa kompleks.

Kategori klausa	Hipotaksis	Parataksis
Perincian	$\begin{array}{ l} \text{ Dia keluar } \\ \alpha \\ \text{dengan mulut menyeranah} \\ \text{ } \\ \beta \end{array}$	$\begin{array}{ l} \text{ Songkok putih warisan} \\ \text{pak ciknya, Amin terpersuk} \\ \text{ } \\ \text{1} \\ \text{menyembunyikan} \\ \text{sebahagian besar rambutnya} \\ \text{yang mencerancang pendek} \\ \text{ } \\ \text{2} \end{array}$
Perluasan	$\begin{array}{ l} \text{ Sungai yang hitam} \\ \text{airnya tidak putus-putus} \\ \text{berkalung-kalung } \\ \alpha \\ \text{kerana tikaman air hujan} \\ \text{ } \\ \beta \end{array}$	$\begin{array}{ l} \text{ Orang tua itu tersenyum} \\ \text{ } \\ \text{1} \\ \text{kemudian berjalan semula} \\ \text{ } \\ \text{2} \end{array}$

KLAUSA PERINCIAN

Klausa perincian dalam struktur ayat hipotaksis bahasa Melayu ditandai oleh klausa relatif, misalnya *yang* dan klausa preposisi, misalnya *dengan*. Kata penghubung relatif *yang* berfungsi untuk memberi keterangan kepada salah satu unsur dalam ayat utama, sama ada unsur subjek, objek atau predikat (Asmah Haji Omar, 1986:346). Struktur bagi klausa relatif ialah

Yang + X (kata atau frasa nama, kerja, sifat dan kata bilangan). Misalnya:

- (3) [2.13.1] ||| Minggu itu sudah dua nyawa | *yang tertelan* di dalam jambatan tersebut ||| ($\alpha^{\wedge}\beta$)
- (4) [1.2.1] ||| Jauh ke atas jambatan besi | *yang hijau* itu kelihatan kaku seperti biasa ||| ($\alpha^{\wedge}\beta$)
- (5) [1.9.5] ||| Dia keluar | *dengan mulut menyeranah* ||| ($\alpha^{\wedge}\beta$)

Jika diperhatikan pada contoh ayat di atas, klausa relatif berfungsi untuk memperinci makna dalam klausa utama, iaitu dengan cara menggambarkan unsur namaan dengan lebih lanjut, khususnya pada bahagian predikat ayat hipotaksis. Misalnya, unsur *yang* dalam contoh (3) memperinci frasa nama *nyawa*. Contoh ayat (4) di atas memperlihatkan fungsi klausa relatif untuk memperinci unsur frasa nama subjek, *besi*. Klausa utama *Dia keluar* dalam contoh (5) di atas dapat berdiri sendiri sebagai suatu ayat yang sempurna. Ganti nama *Dia* dalam konteks ini merujuk kepada Tuminah, yang sedang mencari adiknya, Dalim. Klausa yang mengikutinya *dengan mulut menyeranah* berfungsi untuk memperinci gaya perbuatan *keluar*.

Bagi struktur parataktik pula, klausa perinciannya ditandai oleh gejala aposisi, iaitu unsur yang sama maknanya disusun secara parataktik, lantas masing-masing unsur ini setara dari segi tatabahasa. Unsur yang disusun secara parataktik ini melibatkan frasa nama, iaitu menamakan semula unsur sebelumnya yang mempunyai rujukan yang sama (Martha Kolln, 1999: 192). Dalam hal ini, Bloomfield (1979:186) ada menyatakan bahawa istilah *apposition* digunakan apabila bentuk yang disusun secara parataktik setara dari segi makna. Contoh yang dikemukakannya ialah *John, the poor boy*. Frasa *the poor boy* mempunyai aposisi dalam *John*, dan bersifat setara dari segi tatabahasa, tetapi tidak berbeza dari segi makna kerana frasa ini mempunyai rujukan yang sama dengan *John*. Asmah Haji Omar (1986: 372) pula menamakan gejala “aposisi” sebagai “pengiringan”, iaitu “... pelapisan unsur yang diiringkan kepada unsur inti, tetapi rujukannya sama tepat dengan unsur inti”, sementara Hashita Aini Haroon (2001:37) menyatakan aposisi sebagai penggandaan struktur dalam sesuatu ayat. Penggandaan struktur ini memperlihatkan penyusunan dua unsur bahasa secara selari, yakni unsur bahasa kedua mempunyai aposisi dengan unsur inti. Perbezaannya adalah dari segi cara sesuatu maklumat itu disampaikan, iaitu unsur inti biasanya akan disertai langsung oleh unsur aposisi, dengan kehadiran tanda koma. Misalnya:

- (6) [3.23.3] Songkok putih warisan pak ciknya, Amin, terpersuk, menyembunyikan sebahagian besar rambutnya yang mencerancang pendek. (1^2)

Contoh ayat (6) di atas menunjukkan Amin mempunyai aposisi dengan frasa nama *pak ciknya*. Unsur *nya* pada *pak ciknya* merujuk kepada Ahmad Jani. Berdasarkan konteks yang terdapat dalam teks kajian ini, unsur aposisi yang dinyatakan adalah yang pertama kali disebut oleh pengarang. Dalam erti kata lain, maklumat aposisi ini merupakan maklumat baharu.

KLAUSA PERLUASAN

Klausa perluasan pula memberi tumpuan pada kehadiran unsur penghubung dalam klausa subordinat yang berfungsi untuk memperluas maklumat dalam klausa utama. Sebagai unsur perluasan, kehadiran klausa adverba dapat dijadikan penanda. Berbeza dengan klausa perincian, klausa perluasan berfungsi untuk memperluas makna, iaitu dengan menambah maklumat baharu dalam sesuatu klausa utama.

HUBUNGAN MAKNA DALAM AYAT HIPOTAKSIS

Dalam ayat hipotaksis, perluasan makna klausa utama dilakukan melalui klausa adverba yang merujuk kepada waktu, tempat, perbuatan, sebab atau syarat. Yang berikut ialah huraian lanjut tentang hubungan makna yang diwujudkan oleh klausa adverba dalam ayat hipotaksis bahasa Melayu. Hubungan makna yang dibicarakan di sini adalah berdasarkan penjenisan klausa yang telah dikemukakan oleh Asmah Haji Omar (1986).

(i) Hubungan Waktu

Hubungan waktu menyatakan waktu terjadinya sesuatu peristiwa. Struktur bagi ayat hipotaksis yang menunjukkan hubungan waktu ialah: *Penghubung Waktu + Ayat*. Dari segi makna hubungan waktu dapat dibahagikan kepada tiga subgolongan yang berbeza waktu kejadiannya: hubungan waktu bersamaan, hubungan waktu berturutan dan hubungan waktu permulaan. Waktu bersamaan menyatakan dua peristiwa yang terjadi pada waktu yang hampir sama, dan ditandai oleh unsur *waktu*. Hubungan waktu berturutan pula menyatakan dua peristiwa yang terjadi pada waktu yang berturut-turut. Hubungan waktu berturut-turut dinyatakan oleh unsur *sebelum*. Manakala

hubungan waktu permulaan menyatakan permulaan sesuatu peristiwa dan ditandai oleh unsur *sejak*. Struktur ayatnya ialah *Penghubung Permulaan + Ayat*. Misalnya:

- (7) [3.23.1] ||| *Waktu* Tuminah masuk | Ahmad Jani sedang membaca Yasin | dengan tangan yang tergigil-gigil ||| ($\gamma^{\wedge}\alpha^{\wedge}\beta$)
- (8) [1.10.9] ||| Lama juga tikus itu terketar lesu | *sebelum* ia terdiam dengan kaki dan ekor terkuit-kuit sekali dua | *sebelum* terbeku terus ||| ($\alpha^{\wedge}\beta^{\wedge}\gamma$)
- (9) [2.19.8] ||| *Sejak* dia menjadi janda enam bulan dahulu | dia banyak kenal tentang kebinatangan lelaki ||| ($\beta^{\wedge}\alpha$)

(ii) Hubungan Keadaan

Hubungan keadaan menyatakan keadaan sesuatu watak semasa sesuatu kejadian itu berlaku. Hubungan keadaan mempunyai struktur *Penghubung Keadaan + Ayat*. Penanda bagi hubungan keadaan ini ialah unsur *dalam*, iaitu seperti contoh ayat yang berikut:

- (10) [1.3.1] ||| *Dalam* keadaan lesu yang seperti itulah | Dalim keluar mencari Sukon ||| ($\beta^{\wedge}\alpha$)

(iii) Hubungan Musabab

Hubungan musabab menyatakan sebab sesuatu kejadian yang terdapat dalam klausa utama. Struktur bagi hubungan musabab ialah *Penghubung Musabab + Ayat* dan ditandai oleh unsur *kerana*. Misalnya:

- (11) [1.1.2] ||| Sungai yang hitam airnya tidak putus-putus berkalung | *kerana* tikaman air hujan ||| ($\alpha^{\wedge}\beta$)

(iv) Hubungan Syarat/Pengandaian

Hubungan syarat/pengandaian menyatakan syarat/pengandaian yang telah disebut dalam klausa utama. Hubungan syarat/pengandaian dapat dikenal pasti berdasarkan kehadiran kata penghubung *kalau*. Struktur ayatnya ialah *Penghubung Syarat + Ayat*. Misalnya:

- (12) [3.32.9] ||| Barangkali kerana mengingatkan pesan arwah suaminya, Mansur | supaya membawanya pulang ke kampung | *kalau* berlaku apa-apa ||| ($\alpha^{\wedge}\beta^{\wedge}\gamma$)

(v) Hubungan Tujuan

Hubungan tujuan menyatakan sesuatu tujuan yang telah disebut dalam klausa utama dan mengambil unsur *supaya* sebagai penghubung antara klausa. Struktur ayat bagi hubungan tujuan ialah *Penghubung Tujuan + Ayat*, iaitu seperti contoh yang berikut:

- (13) [1.3.2] ||| Dia telah dimarahi oleh Tuminah, kakaknya | *supaya* jangan ke sungai waktu hujan-hujan begitu ||| ($\alpha^{\wedge}\beta$)

(vi) Hubungan Tolak Ansur

Hubungan tolak ansur menyatakan suatu keadaan atau peristiwa yang bertentangan dengan pernyataan dalam klausa utama. Hubungan tolak ansur ini mengambil unsur *walaupun*. Struktur ayatnya ialah *Penghubung Tolak Ansur + Ayat*, iaitu seperti yang berikut:

- (14) [1.8.3] ||| Rotan itu ada di sebalik pintu | *walaupun* rotan itu sudah terlalu uzur ||| ($\alpha^{\wedge}\beta$)

HUBUNGAN MAKNA DALAM AYAT PARATAKSIS

Fungsi klausa perluasan dalam ayat parataksis tidak sama dengan ayat hipotaksis. Ini kerana dalam ayat hipotaksis, klausa perluasan berfungsi untuk memperluas maklumat yang sedia terdapat dalam klausa utama. Klausa perluasan dalam ayat hipotaksis juga terikat maksudnya dengan klausa utama. Sebaliknya, dalam ayat parataksis, status setiap klausanya adalah setara. Oleh itu, sesuatu klausa itu dapat sahaja menambah, mengecuali atau menambah unsur yang mendahuluiinya.

(i) Penambahan

Bagi konsep penambahan, sesuatu unsur penghubung setara berfungsi untuk mempertingkat (*extend*) makna klausa sebelumnya, dengan cara menambah maklumat baharu.

- (15) [1.5.2] ||| Matanya meluru ke sayur-sayur busuk || *dan* mata itu kemudiannya terkisar kepada tikus yang masih lagi terkais-kais untuk menaiki tin tar yang terhanyut-hanyut pula perlahan-lahan ||| ($1^{\wedge}2$)

- (16) [1.9.1] ||| Tuminah mencari tuala buruk || *dan* terjumpa di bawah

ambin yang penuh dengan tin-tin buruk dan kalungan dawai ||| (1^2)

- (17) [2.14.5] ||| Dia bangun êberjalan menuju ke arah Dalim yang mula gelisah kekhuatiran ||| (1^2)
- (18) [1.5.3] ||| Dalim ketawa || kesukaan || memandang ke langit mengangakkan mulutnya || menelan rintik-rintik hujan ||| (1^2^3^4)
- (19) [1.10.7] ||| Dalim ketawa, mengejar tikus itu || *dan* cuba menangkapnya ||| (1^2^3)

(ii) Sebab-Akibat

Hubungan sebab dan akibat ditunjukkan oleh $x \rightsquigarrow y$ – klausa pertama atau x menjadi penyebab (\rightsquigarrow) kepada klausa kedua, iaitu y . Misalnya, dalam contoh ayat (20) di bawah, klausa x , *Air terlalu pasang* berfungsi sebagai penyebab kepada peristiwa y , *tangga yang berhampiran dengan tiga batang balak semuanya tenggelam*, yakni akibat. Hubungan antara kedua-dua klausa penyebab dan akibat ini dijalinkan oleh unsur *dan*.

- (20) [1.1.4] ||| Air terlalu pasang || *dan* tangga yang berhampiran dengan tiga batang balak semuanya tenggelam ||| (1^2)

(iii) Penjumlahan

Hubungan penjumlahan bermaksud hubungan yang menyatakan penjumlahan atau penggabungan sesuatu sifat, peristiwa atau proses. Hubungan penjumlahan ini mengambil unsur *dan*. Cara menganalisis ayat parataksis yang menunjukkan hubungan penjumlahan bergantung pada jumlah frasa nama yang terdapat dalam sesuatu ayat matriks. Misalnya, berdasarkan contoh ayat (21) di bawah, terdapat empat frasa nama yang telah digandingkan dengan ayat matriks *Di atasnya berjalan Δ*. Paparan notasinya adalah seperti yang berikut:

- (21) [1.2.2] Di atasnya berjalan orang, motokar, basikal *dan* kereta lembu,
 11 12 13 14
 seperti malas *dan* terhenjut-henjut.
 2 3

Angka pertama, 11 dalam contoh ayat (21) di atas bermaksud komponen pertama dalam ayat matriks, sementara Angka 1 kedua menunjukkan

gandingan pertama bagi ayat matriks tersebut. Seterusnya, notasi 12 menjelaskan bahawa frasa nama *motokar* merupakan gandingan kedua bagi ayat matriks pertama. Begitulah juga bagi notasi 13 dan 14. Hal ini membayangkan bahawa semakin banyak penggandingan komponen berlaku dalam sesuatu ayat matriks, semakin komplekslah ayat tersebut. Notasi 2 dan 3 pula merujuk kepada ayat matriks kedua dan ketiga dalam ayat parataksis ini.

(iv) Variasi

Variasi menyatakan bahawa klausa kedua berfungsi sebagai pengganti pada sebahagian atau keseluruhan klausa sebelumnya (Halliday, 1994:230). Konsep *variasi* ini dapat juga disebut sebagai penggantian: x berbanding y. Klausa pertama sebagai x, dan klausa kedua “berbanding y”, iaitu klausa y menggantikan keseluruhan klausa x. Dalam bahasa Melayu, penggantian ditandai oleh kata penghubung *tetapi*, *atau* dan *kecuali*. Sekali gus menggantikan keseluruhan klausa sebelumnya. Misalnya:

- (22) [1.10.2] ||| Dia menyelam ke bawah || meninggalkan kalungan air hitam beriaik-riak || *tetapi* kepalanya cepat timbul pula dengan mulutnya ternganga-nganga menyambung nafas
||| (1^2^3)
- (23) [1.6.2] ||| Kalau tidak ada Sukon || barangkali Sakinah akan keluar
||| *atau* barangkali Menon || *ataupun* Sai Yong ||| (1^2^3^4)
- (24) [4.47.2] ||| Soal Tompong serta-merta hilang dari ingatan mereka di dalam *shelter* itu || *kecuali* Mak Buruk ||| (1^2)

(v) Hubungan Waktu

Hubungan waktu bermaksud pengembangan klausa pertama oleh klausa yang mengikutinya dengan cara memberikan kualiti peristiwa, masa, tempat atau syarat. Misalnya, unsur penghubung *kemudian* berfungsi sebagai penanda masa, iaitu menunjukkan bahawa kejadian dalam klausa kedua berlaku selepas klausa pertama: “x, (dan) dalam konteks ini y”. Berdasarkan analisis, beberapa unsur penghubung setara, misalnya, *kemudian*, *lalu* dan *sambil/serta* berfungsi untuk menunjukkan kejadian yang berlaku secara berturutan atau pada waktu yang bersamaan. Hubungan waktu berturutan ditandai oleh unsur *kemudian* dan *lalu*, sementara hubungan waktu bersamaan ditunjukkan oleh unsur *sambil*. Misalnya:

- (25) [1.6.4] ||| Dalim menanti mengesat-ngesat matanya yang dimasuki air, || *kemudian* sengaja mendongak semula membuka mulut menelan air hujan ||| (1²)
- (26) [1.5.4] ||| Dia menunduk tersenyum || rambut menutupi matanya semula || menjadikannya tiba-tiba marah || *lalu* menguakan rambut itu semula ||| (1²3⁴)
- (27) [1.2.3] ||| Sesekali dua tiga orang kanak-kanak berlari || *sambil* berlonjak-lonjak || *sambil* menjengah ke sungai yang amat malas itu ||| (1²3)

GAYA AYAT HIPOTAKSIS DAN PARATAKSIS

Dari segi gaya, kajian ini mendapati bahawa cara penyajian ayat hipotaksis berbeza dengan ayat parataksis. Gejala ayat hipotaksis memperlihatkan sesuatu klausa subordinat ditempatkan atau dilapiskan ke dalam satu klausa utama. Pelapisan klausa subordinat dalam sesuatu ayat hipotaksis bertujuan untuk memberitahu pembaca tentang status klausa tersebut, misalnya klausa tak setara dan hubungannya dengan klausa utama. Jika dikaitkan gejala ini dengan konsep Halliday, klausa tak setara merupakan klausa terikat, manakala klausa utama merujuk kepada klausa dominan. Cara penggandingan antara klausa subordinat dengan klausa utama diwujudkan oleh unsur penghubung tak setara (misalnya, *kerana*) atau adverba (misalnya, *semalam*). Analisis kajian ini menunjukkan hanya sejumlah enam ayat hipotaksis yang memperlihatkan kehadiran lebih daripada dua lapisan klausa subordinat. Jumlah ini agak kecil berbanding dengan jumlah keseluruhan ayat hipotaksis yang digunakan oleh pengarang, iaitu 37 ayat. Hal ini menunjukkan bahawa pengarang teks kajian ini lebih gemar menggunakan ayat hipotaksis yang lebih pendek, iaitu penggandingan antara satu klausa utama dengan satu lapisan klausa subordinat sahaja. Gaya ini telah menjadikan ayat hipotaksis dalam teks kajian ini lebih mudah diproses dan difahami oleh pembaca.

Gejala ayat parataksis pula melibatkan penempatan klausa secara sejajar atau selari. Dengan erti kata lain, pengarang akan meletakkan beberapa klausa setara secara selari untuk membentuk sesuatu ayat kompleks. Penempatan beberapa siri klausa setara dalam ayat parataksis bertujuan untuk memberitahu pembaca bagaimana sesuatu peristiwa atau proses dihubungkan oleh unsur penghubung tertentu. Hal ini selaras dengan struktur ayat parataksis yang dicadangkan oleh Halliday (1994:219), iaitu klausa

pertama (1) berfungsi sebagai memulakan, dan diikuti oleh klausa kedua (2), klausa yang bersambungan dengannya. Cara penggandingan antara peristiwa atau proses ini diwujudkan oleh pelbagai unsur penghubung setara, misalnya, *dan* atau tanda koma.

Yang berikut dipaparkan pula penanda tipikal bagi kedua-dua jenis ayat hipotaksis dan parataksis.

Jadual 3 Penanda tipikal ayat hipotaksis dan parataksis.

Klausa pengembangan	Hubungan makna	Kata penghubung
Klausa perluasan dalam ayat hipotaksis	<ul style="list-style-type: none"> (i) Waktu Bersamaan Berturutan Permulaan (ii) Keadaan (iii) Musabab (iv) Syarat/pengandaian (v) Tujuan (vi) Tolak ansur 	<i>dalam, waktu, ketika, sedang, bila</i> <i>sebelum</i> <i>sejak, semenjak itu, malam semalamnya, semalam</i> <i>dalam</i> <i>kerana</i> <i>kalau</i> <i>supaya</i> <i>walaupun</i>
Klausa perluasan dalam ayat parataksis	<ul style="list-style-type: none"> (i) Penambahan (ii) Sebab – akibat (iii) Penjumlahan (iv) Variasi (v) Hubungan waktu Berturutan Bersamaan 	<i>dan, tanda koma</i> <i>dan</i> <i>dan</i> <i>tetapi, atau, kecuali</i> <i>kemudian, lalu</i> <i>sambil</i>

Dari segi pilihan, ayat hipotaksis diwakili oleh 15 unsur penghubung tak setara berbanding dengan lapan unsur penghubung setara sahaja bagi ayat parataksis. Perbandingan statistik ini menunjukkan bahawa ayat hipotaksis mempunyai lebih banyak pilihan unsur penghubung berbanding dengan ayat parataksis. Unsur penghubung waktu dalam ayat hipotaksis adalah yang paling banyak digunakan oleh pengarang, iaitu sebanyak 10 pilihan. Rumus yang terhasil dalam hubungan waktu ini ialah *Penghubung Waktu + Ayat*. Penemuan ini memberikan gambaran bahawa pengarang teks kajian ini lebih gemar menonjolkan waktu sesuatu kejadian atau peristiwa itu berlaku, sama ada waktu bersamaan, waktu berturutan atau waktu berturutan. Penggunaan unsur penghubung waktu yang berbeza ini

juga dapat membantu pembaca mengetahui waktu sesuatu kejadian itu secara lebih spesifik. Misalnya, kejadian yang ditandai oleh unsur *malam semalamnya* tidak sama dengan *semalamnya* kerana *malam semalamnya* menunjukkan kejadian yang berlaku lebih awal daripada *semalamnya*.

Klausa relatif dengan rumus *Yang + X* pula merujuk kepada frasa nama, frasa sifat, frasa kerja dan kata bilangan. Pengarang memilih struktur *Yang + X* untuk memperinci makna sesuatu klausa utama. Dengan cara ini, pengarang dapat menerangkan sesuatu objek atau kejadian dengan lebih terperinci agar cerita yang ingin disampaikan menjadi lebih realistik.

Dalam ayat parataksis pula, unsur *dan* adalah yang paling menonjol, dengan tiga hubungan makna: penambahan, sebab-akibat dan penjumlahan. Hal ini menunjukkan bahawa dalam teks kreatif bahasa Melayu, unsur *dan* dapat mewakili beberapa makna yang berbeza. Selain itu, unsur penghubung lain dalam ayat parataksis, misalnya, *tetapi*, *atau* dan *kecuali* berfungsi sebagai pengganti untuk klausa sebelumnya, manakala unsur *kemudian*, *lalu* dan *sambil* berfungsi sebagai penanda masa.

Klausa relatif dengan rumus *Yang + X* pula merupakan yang kedua terbanyak digunakan oleh pengarang teks kajian ini. Unsur *X* dalam konteks ini merujuk kepada frasa nama, frasa sifat, frasa kerja dan kata bilangan. Kecenderungan pengarang memilih struktur *Yang + X* untuk memperinci makna sesuatu klausa utama, dapat dianggap sebagai gaya. Dengan cara ini, pengarang dapat menerangkan sesuatu objek atau kejadian dengan lebih terperinci agar cerita yang ingin disampaikan menjadi lebih realistik.

Dalam ayat parataksis pula, unsur *dan* yang paling dominan digunakan dalam teks kajian ini, iaitu sebanyak 38 kali (54.3%). Angka ini melebihi separuh daripada jumlah keseluruhan unsur penghubung setara yang telah dianalisis. Oleh itu, unsur *dan* dapat dianggap sebagai cap ibu jari linguistik pengarang yang khusus dalam teks kajian ini. Pengarang menggunakan unsur *dan* untuk memperlihatkan pelbagai hubungan makna, misalnya, hubungan penambahan, penjumlahan dan sebab-akibat. Dari segi pola, hubungan penambahan memperlihatkan penggandingan seluruh klausa dan penggandingan predikat. Yang dipentingkan dalam hubungan penambahan ialah menggandingkan beberapa proses. Dalam erti kata lain, unsur *dan* berfungsi untuk menambah proses lakukan yang dilakukan oleh pelaku tertentu.

Dari segi fungsi klausa pula, klausa perluasan lebih dominan digunakan oleh pengarang berbanding dengan klausa perincian. Kecenderungan ini dapat dilihat dalam kedua-dua jenis ayat hipotaksis dan parataksis. Sebabnya ialah klausa perluasan mempunyai fungsi yang lebih luas, misalnya peng-

rang dapat menambah pelbagai maklumat baharu, memberikan pengecualian atau menawarkan alternatif dalam sesuatu ayat kompleks.

KESIMPULAN

Kajian ini pada asasnya telah menerapkan kerangka nahu fungsian-sistemik untuk menjelaskan pilihan bahasa pengarang, khususnya bagi gaya hipotaksis dan parataksis dalam bahasa Melayu. Walaupun unsur penghubung yang dipaparkan bukan senarai yang lengkap tetapi diharapkan penemuan ini berguna untuk memperlihatkan kepelbagaiannya jenis klausa subordinat dan koordinat yang membina kedua-dua ayat kompleks tersebut. Tambahan pula, analisis ini dilakukan berdasarkan penggunaan bahasa sebenar, yang dapat menunjukkan bagaimana sesuatu klausa dijalinkan dengan klausa lain untuk menghasilkan makna yang tertentu. Kajian yang lebih menyeluruh, yang melibatkan jumlah pengarang Melayu yang lebih ramai wajar dilakukan. Dengan cara ini, gaya ayat kompleks dalam bahasa Melayu dapat dijelaskan secara lebih berpadu.

RUJUKAN

- A. Samad Said, 1997. *Sungai Mengalir Lesu*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1986. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka
- Bloomfield, L., 1979. *Language*.London:George Allen & Unwin.
- Bloor, T. & Bloor, M., 1995. *The Functional Analysis of English*. London:Arnold.
- Cummings, M. & Simmons, R., 1983:*The Language of Literature: A Stylistic Introduction to the Study of Literature*. England:Pergamon Press.
- Halliday, M.A.K., 1994. *An Introduction to Functional Grammar (second edition)*. London:Edward Arnold.
- Halliday, M.A.K. & Ruqaiya Hasan, 1995. *Cohesion in English*. London:Longman.
- Harshita Aini Haroon, 2001. Kepelbagaiannya Pengagihan dan Perincian Maklumat dalam Binaan Aposisi dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa, September*:37–43.
- Martin, J.R., 1992. *English Text: System and Structure*. John Benjamins Publishing Company.
- Matthews, P.H., 1984. *Syntax*. Cambridge:Cambridge University Press.
- Matthews, P.H., 1997. *Oxford Concise Dictionary of Linguistics*. Oxford:Oxford University Press.
- Matthiessen, C. & Thompson, S.A., 1988. “The Structure of Discourse and Subordination” dlm. Haiman, J. & Thomson, S.A. (ed.), *Clause Combining in*

- Grammar and Discourse.* Amsterdam/Philadelphia:John Benjamins Publishing Company.
- Nur'aini Abu Bakar (peny.), 1995. *Tesaurus Linguistik Bahasa Melayu.* Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thompson, G., 2004:*Introducing Functional Grammar (second edition).* London: Arnold
- Trask, R.L., 1996. *A Dictionary of Grammatical Terms in Linguistics.* London: Routledge.
- Wales, K., 1991. *A Dictionary of Stylistics.* London:Longman.